


CABARAN WANITA DALAM AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA

WALAUPUN setengah abad telah berlalu sejak Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia pada 10 Disember 1948, yang menekankan hak tanpa mengira gender, wanita masih menggapai-gapai mencari tempat berpaut untuk mendapatkan kedudukan yang sewajarnya dalam masyarakat.

Meskipun kelihatan badan dunia memberikan perhatian terhadap wanita, hakikatnya peranan dan sumbangan wanita masih seperti tidak dihargai. Hal ini demikian sehingga wanita terpaksa menuntut hak persamaan dan penghapusan kekerasan dan keganasan terhadapnya; sebagaimana yang termaktub dalam Deklarasi Wina 1993 hasil Persidangan Antarabangsa Hak Asasi Manusia di Wina.

Deklarasi Beijing 1995 pula menegaskan kepentingan peranan wanita dalam membuat keputusan. Tuntutan kuota 30 peratus bagi wanita pada tahap pembuat dasar dan keputusan negara, sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi tersebut, penting sebagai pengiktirafan terhadap wanita. Sekiranya dipenuhi, wanita mempunyai ruang dan peluang bersuara serta memainkan peranan yang lebih besar dalam pamban-



GOLONGAN wanita merupakan aset negara yang penting.

gunan negara dan bangsanya. Bayangkan, wanita yang membentuk lebih separuh daripada penduduk dunia terpaksa berjuang untuk menyatakan kehadirannya.

Itulah hakikatnya; meskipun Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, seiring dengan Laporan "1999 World Survey on the Role of Women in Development: Globalisation, Gender and Work" menyatakan bahawa isu gender akhirnya diberikan penekanan dalam dasar pembangunan setelah perjuangan berdekad-dekad lamanya. Namun penekanan tersebut masih disarankan apabila United Nations Development Funds for Women mengetengahkan tema "Wanita dalam Proses Membuat Keputusan" bagi menyambut Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac 2006 yang lalu.

Kepentingan penekanan terhadap wanita sering dilayangkan dalam forum antarabangsa, tetapi realiti yang berlaku tidak demikian mudah. Maka wanita masih tidak berhenti memperjuangkan hak untuk mendapatkan tempat yang wajar dalam masyarakat.

Laporan Penyelidikan Polisi oleh Bank Dunia pada 2001 mengemukakan bahawa pengaruh wanita dalam dasar dan program pembangunan negara adalah amat besar dalam menentukan kejayaan dan kemajuan. Laporan tersebut mencatatkan bahawa isu gender amat perlu difokuskan dalam merancang dan melaksanakan dasar demi mempertingkatkan keberkesanan pembangunan.

Laporan Asian Development Bank juga menyarankan keperluan meningkatkan kualiti kehidupan dan status wanita bukan sahaja atas dasar keadilan sosial tetapi juga atas keperluan ekonomi dan pembangunan. Pelaburan dalam meningkatkan pembangunan wanita dikatakan dapat melahirkan tenaga kerja yang berpendidikan dan mantap untuk membina ekonomi.

Pembangunan negara dikatakan akan berjaya dicapai jika wanita diberikan peluang menggunakan potensi mereka dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik negara. Kegagalan melibatkan wanita dalam agenda pembangunan negara dikatakan akan memberikan kesan kepada pencapaian dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi ekonomi ini. Demikianlah keperluan memberikan penekanan terhadap pembangunan wanita. Namun, gerakan wanita masih terus bersuara untuk menuntut hak. Di manakah silapnya?

Di Malaysia, wanita merupakan 48.7 peratus daripada jumlah penduduk dan merupakan modal insan yang penting dalam menjana pembangunan negara. Meskipun demikian, kajian Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga dan Masyarakat (2004) menunjukkan hanya 9.9 peratus sa-



GOLONGAN wanita mempunyai kuasa beli yang tinggi.

haja wanita menganggotai lembaga pengarah sektor korporat; 13.5 peratus menduduki jawatan eksekutif, misalnya presiden, naib presiden, pengarah urusan, ketua eksekutif, dan yang seumpamanya; hanya 10.1 peratus dalam Dewan Rakyat. Sebahagian besar wanita terdiri daripada suri rumah.

Sungguhpun jumlah wanita yang aktif menjana ekonomi telah meningkat, pertumbuhan terbesar penglibatan wanita adalah dalam pekerjaan tingkat pertengahan dan tingkat rendah, seperti kerja perkeranian dan pengeluaran. Walaupun lebih banyak wanita mula menceburkan diri dalam sektor profesional, sebahagian besarnya terlibat dalam profesion kejururawatan dan pendidikan. Yang lebih menyedihkan, rata-rata purata pendapatan wanita yang bekerja dalam sektor swasta tidak pun dapat mengatasi pendapatan lelaki.

Senario ini tentulah tidak membanggakan, walaupun tidak dinafikan ada wanita

yang cemerlang dalam kerjaya dan bidang masing-masing. Senario ini juga memperlihatkan tidak banyak wanita berpeluang atau diberikan peluang atau dianggap layak membuat keputusan untuk kepentingan organisasi dan negara.

Pada tahun 1999, sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan telah mengemukakan Agenda Perubahan Wanita untuk menggerakkan Agenda Wanita. Agenda Perubahan Wanita ini adalah bertujuan untuk memperkukuh status wanita di Malaysia serta menyarankan persamaan hak untuk mendapatkan kedudukan. Tindakan perubahan dirangka bagi menangani masalah dan isu wanita Malaysia.

Antara yang disuarakan ialah keganasan terhadap wanita dan gangguan seksual yang boleh meruntuhkan nilai dan moral masyarakat. Masalah ini menunjukkan diskriminasi ke atas wanita untuk menikmati kehidupan. Isu ini terus mengancam



keselamatan dan membahayakan wanita yang bekerja. Pada 1999, Kod Amalan Pencegahan dan Pembanterasan Gangguan Seksual di Tempat Kerja telah dilancarkan. Namun, pelaksanaannya tidak begitu menggalakkan. Hak wanita tidak sentiasa dihormati walaupun pembangunan wanita tidak diketepikan dalam rancangan pembangunan negara.

Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) memberikan peruntukan untuk mengintegrasikan wanita sebagai rakan kongsi yang mempunyai hak yang sama dalam pembinaan bangsa. Demikian juga RMK-8 melihat wanita sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara. RMK-9 juga memberikan penekanan kepada pembangunan wanita. Malah kali ini peruntukan yang diberikan untuk pembangunan wanita, iaitu sebanyak RM552 juta, memperlihatkan peningkatan lebih daripada 100 peratus berbanding dengan yang diperuntukkan dalam RMK-8

iaitu sebanyak RM258 juta. RMK-9 dilihat memberikan tumpuan kepada hak, identiti, dan diskriminasi terhadap wanita dalam proses pembinaan bangsa dan pembangunan negara.

Tindakan ini penting memandangkan potensi wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara. Lebih banyak wanita perlu diberikan peluang untuk memainkan peranan yang aktif dalam pelbagai sektor demi mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi negara. Pertimbangan hak yang sama perlu dan wajar bagi wanita dan lelaki mengikut keperluan dan keutamaan demi memberikan impak kepada agenda pembangunan negara.

Golongan wanita ini tidak boleh dipinggirkan kerana semakin mereka tersisih semakin berat padahnya kepada pembinaan bangsa.

Penekanan terhadap pembangunan wanita dalam RMK-9 merupakan usaha ke arah merealisasikan harapan dan keperluan tersebut. Lima teras utama Misi Nasional dalam menjayakan RMK-9 sewajarnya menjadi asas dalam menggerakkan usaha untuk membangunkan potensi dan mengubah persepsi serta tanggapan lama tentang peranan wanita.

Keupayaan wanita perlu dibina bagi menghadapi risiko baharu globalisasi dan bagi mengambil kesempatan terhadap peluang baharu yang begitu luas untuk diteroka. Dasar ekonomi dan teknologi perlu dibentuk semula supaya turut memberikan peluang dan manfaat kepada wanita untuk mengecap nikmat globalisasi.

Demikian juga Dasar Keluarga Negara yang akan dibentuk dalam pelaksanaan RMK-9 diharapkan dapat mengubah mentaliti kebanyakan masyarakat yang melihat pembinaan keluarga terletak pada pundak wanita semata-mata. Wanita dan lelaki sebagai ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting dalam pembinaan keluarga yang cemerlang dari segi rohaniah dan jasmaniah. Pembinaan keluarga tidak seharusnya dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada wanita. Walaupun wanita berperanan besar dalam membina generasi baharu, komitmen terhadap keluarga tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kemajuan kerjaya wanita.

Namun, kejayaan dalam melahirkan generasi yang cemerlang masih boleh dicapai tanpa melepaskan peluang untuk maju dalam kerjaya. Banyak contoh wanita yang

berjaya dalam kerjaya juga berjaya melahirkan generasi yang hebat. Pihak kerajaan dan majikan boleh memberikan ruang dengan mewujudkan waktu kerja fleksibel dan yang membolehkan wanita bekerja dari rumah. Kaedah ini dapat meningkatkan lagi penglibatan wanita berkeluarga dalam pasaran kerja.

Di samping itu, wanita juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan berusaha keras untuk maju ke hadapan. Modal insan yang berketerampilan dan berilmu pengetahuan dapat membawa negara ke arah kegemilangan. Sudah tiba masanya wanita tidak membenarkan dirinya dieksploit oleh mana-mana pihak. Kemajuan wanita terletak pada kebijaksanaannya bertindak secara positif, kreatif, dan berkesan. Keterampilan dan kewibawaan wanita membawa imej negara dan budaya bangsa.

Namun, dalam pada wanita menuntut haknya dalam pembinaan bangsa dan pembangunan negara, masalah sosial dalam kalangan wanita juga semakin meningkat. Dunia pelacuran tidak kurang hebatnya. Pusat-pusat pelacuran yang berlindung di sebalik nama spa, kelab malam, karaoke, dan rumah urut tidak pernah terhenti kegiatannya. Sarang pelacuran diketahui umum, tetapi masih terus beroperasi, seolah-olah "dihalalkan" kegiatannya. Statistik Polis Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan bilangan pelacur tempatan yang ditangkap sepanjang 2001 hingga 2005, berjumlah 1639 orang. Belum lagi soal pelajar institusi pengajian tinggi yang mengambil jalan mudah untuk mendapatkan wang belanja dengan menjual diri; belum lagi soal pelayan kelab dan khidmat sosial yang tidak nampak jalan lain sebagai punca pendapatan.

Hal ini juga cabaran bagi wanita Malaysia dalam meniti kejayaan; cabaran bagi wanita dalam menghadapi kehidupan pada abad ini. Golongan tersebut tidak boleh dipinggirkan; perlu ada mekanisme untuk membawa mereka kembali; perlu ada pendekatan untuk menangani isu ini. Di samping memberikan ruang dan peluang kepada satu golongan wanita, strategi pembangunan dalam RMK-9 juga perlu menangani golongan wanita yang berada dalam ruang gelap itu. Golongan wanita ini tidak boleh dipinggirkan kerana semakin mereka tersisih semakin berat padahnya kepada pembinaan bangsa.

Kejayaan wanita bukan sahaja ditandai oleh keupayaannya menerajui organisasi dan negara, tetapi juga oleh kejayaan perjuangannya membanteras gejala sosial negatif yang melingkari dunia wanita. ■

Penulis ialah Ketua Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka.